

# Bimbing golongan remaja berisiko di bandar

## Perspektif

Oleh DR. SHAHRUL NAZMI SANHUSI  
 nazmy@ukm.edu.my  
 Pengerusi Kanan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia



**M**ENYINGKAP kembali peristiwa lapan remaja berbasikal yang maut dirempuh kereta dalam kemalangan ngeri di Johor Bahru pada Februari lalu, timbul persoalan dalam diri penulis tentang kehidupan harian dan aktiviti remaja masa kini khususnya di bandar?

Tatkala keluarga berhadapan dengan cabaran ekonomi dan tekanan hidup yang cukup tinggi, masa yang diperuntukkan untuk keluarga kian terhad.

Golongan muda pula terdorong keluar untuk bersosial dan mencari hiburan walaupun sehingga lewat malam, sekali gus berpotensi mengurangkan pemantauan serta kawalan ibu bapa terhadap aktiviti anak-anak mereka.

Ironinya, golongan remaja ini berpotensi terdedah kepada pelbagai bentuk risiko sosial seperti melepak, menghisap rokok sehinggalah kepada amalan seks bebas dan dadah.

### Pendedahan

Atas kesedaran itu, pihak Pusat Pemerikasaan Remaja (Perkasa) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah mengambil inisiatif membawa golongan remaja yang tinggal di sekitar ibu kota khususnya di beberapa Projek Perumahan

Rakyat (PPR) antaranya di Seri Pantai, Pantai Ria, Desa Rejang dan Muhibbah yang mengendalikan Program Komuniti Perkasa@remaja untuk menyertai program Pementoran ke Singapura pada 7 hingga 9 April lalu.

Tujuannya, melalui program lawatan ke negara jiran itu, mereka yang terpilih sebagai mentor didedahkan dengan dunia kehidupan masyarakat Singapura yang sememangnya sinonim tinggal di kawasan rumah pangsa serta aktiviti-aktiviti yang dilakukan khususnya golongan remaja.

Perkasa telah ditubuhkan pada 5 Januari 2010 bagi menjalankan penyelidikan dan intervensi khusus untuk membina bakat dan jati diri generasi muda melalui program komuniti dengan menyasarkan golongan remaja berisiko. Ia antara inisiatif di bawah Program Permata Negara yang dinaungi Pejabat Perdana Menteri.

Penulis juga sempat menyertai program Pementoran ke Singapura tersebut atas jemputan Ketua Perkasa, Dr. Nasrudin Subhi.

Diharapkan dengan pengalaman itu, remaja terlibat boleh bertindak sebagai ejen perubahan di kawasan PPR mereka kelak. Sepanjang tiga hari program tersebut, penulis dibawa ke beberapa buah lokasi seperti Lembaga Pembangunan Perumahan Singapura (HDB) serta kawasan penciptaan masyarakat Kota Singa itu khususnya Bukit Batok dan Toa Payoh.



PESERTA tekun mengikuti kelas pastri yang diadakan di PPR Desa Rajang, Setapak, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Seperkara yang penulis dapat lihat tentang negara jiran ini ialah walaupun mereka mempunyai sumber tanah dan ruang yang sangat terhad, namun ia tidak menghadkan sebarang aktiviti kemasyarakatan dilakukan di kawasan kejiranan masing-masing.

Tiada secebis sampah atau puntung rokok dapat dilihat di kawasan perumahan berkenaan, sekali gus membuktikan sistem pengurusan sisa pepejal serta tahap kesedaran sivik rakyat negara itu berada pada tahap yang tinggi.

Selain itu, penyertaan golongan remaja dalam aktiviti khususnya bercorak keagamaan dan kebudayaan turut mencuri perhatian penulis.

Melalui beberapa badan bukan kerajaan Islam seperti Yayasan Mendaki, Perdaus Centre dan Masjid Al-Falah Singapura, tenaga dan bakat golongan muda digembelng untuk memastikan

mereka dapat dibimbing sesuai dengan kehendak dan aspirasi negara itu.

Penulis pernah hadir meninjau ke pusat Perkasa yang terletak di PPR Seri Pantai bagi melihat aktiviti yang dijalankan.

Memiliki ruang rumah yang agak terhad sedikit sebanyak mengekang mereka daripada melakukan aktiviti sosial dengan selesa.

### Alumni

Justeru, dengan wujudnya Program Komuniti Perkasa@remaja telah memberikan peluang untuk generasi muda PPR mengisi masa lapang khususnya pada hujung minggu dengan lebih bermanfaat dan terarah.

Sehingga kini, Perkasa telah melatih sekitar 5,000 orang remaja melalui Program Komuniti Perkasa@remaja menerusi pelbagai kelas kemahiran seperti kelas fotografi, kek dan pastri, andaman dan solekan, vokal serta muzik secara percuma.

Golongan remaja setempat diharap dapat memanfaatkan program tersebut dalam usaha membina jati diri dan meneroka peluang kerjaya pada masa hadapan.

Buat masa ini, Perkasa telah melantik lapan orang alumni Program Perkasa@remaja untuk bertindak sebagai tenaga pengajar.

Kehadiran mereka sebagai tenaga pengajar diharap dapat menyuntik inspirasi kepada adik-adik baharu dan memotivasikan mereka untuk turut berjaya.

SUKARELAWAN Program Komuniti Perkasa@remaja dari UKM bergambar kenangan di Lembaga Pembangunan Perumahan, Singapura ketika mengikuti program pementoran ke negara itu bulan lalu.

